



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
ARAS 3, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6
PRESINT 5, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN 62200 WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA.
No. Telefon : 03-8870 6000 No. Faks : 03-8870 6885

NOTA KEPADA PENGARANG (Note to Editors)

Kepada : SEMUA MEDIA

Tarikh : 19 OGOS 2026

Perkara : MAJLIS PELUNCURAN PELAN STRATEGIK KEBOLEHPASARAN GRADUAN (PSKG) 2026-2030 DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH PRESTASI CEMERLANG KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2021-2025 BERSEMPENA PERSIDANGAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (PKGKPT) 2026

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Tuan/Puan,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Bahagian Perancangan Strategik (BPS) akan menganjurkan program tersebut di atas seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 20 OGOS 2026 (KHAMIS)

Masa : 9.00 PAGI

Lokasi : DEWAN TUN DR ISMAIL, WORLD TRADE CENTRE KUALA LUMPUR (WTCKL)

Tetamu : YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
Kehormat : MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) akan menganjurkan Persidangan Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi (PKGKPT) 2026 bertemakan "Merapat Jurang, Melakar Peluang, Mencorak Graduan Masa Hadapan". Persidangan ini merupakan platform strategik nasional yang menghimpunkan pemegang taruh daripada institusi pendidikan tinggi, kementerian, agensi kerajaan, industri dan rakan strategik bagi membincangkan hala tuju, cabaran semasa, serta strategi memperkuat agenda kebolehpasaran graduan negara.

Kemuncak persidangan ini juga akan menyaksikan Majlis Peluncuran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2026-2030 dan penyampaian Anugerah Prestasi Cemerlang Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai pengiktirafan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang menunjukkan pencapaian prestasi cemerlang kebolehpasaran graduan secara konsisten sepanjang tempoh lima (5) tahun.

Sehubungan itu, rakan-rakan media dijemput hadir untuk membuat liputan ke program ini.

Sekian, terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Tinggi

Jemputan media ini disiarkan oleh **KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**. Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Nur Fyrent Junaideh, Pegawai Perhubungan Awam di talian 011-1199 6586 atau Encik Zairul Zainal Azwan, Penolong Pegawai Perhubungan Awam di talian 014-3361 017.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

ATUR CARA
PERSIDANGAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (PKGKPT) 2026
20 OGOS 2026 (KHAMIS) | 9.00 PAGI – 5.00 PETANG
DEWAN TUN DR ISMAIL, WORLD TRADE CENTRE KUALA LUMPUR (WTCKL)

Masa	Perkara
9:00 pagi	: Ketibaan dan Pendaftaran Peserta
9:15 pagi	: Ketibaan Tetamu Kehormat
9:30 pagi	: Ketibaan YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir Menteri Pendidikan Tinggi
9:40 pagi	: - Nyanyian Lagu Negaraku - Bacaan Doa
9:50 pagi	: Ucapan Aluan oleh: YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
10:00 pagi	: Ucapan Perasmian Persidangan Kebolehpasaran Graduan KPT 2026 dan Peluncuran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2026-2030 oleh: YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir Menteri Pendidikan Tinggi
	: Majlis Penyampaian Anugerah Kebolehpasaran Graduan
	: Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Kumpulan Pakar dan Penulis Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2026-2030
	: Pelancaran Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2026-2030 • Gimik Pelancaran • Montaj PSKG 2026-2030 Sesi Penyerahan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2026-2030 kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi
	: Sesi Bergambar
11:00 pagi	: Minum Pagi
11:30 pagi	: Slot 1: Sesi Plenari YBrs. Prof. Madya Dr. Melati Nungsari Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Akademik) Asia School of Business

12:15 tengah hari	:	Slot 2: Forum Tajuk: "Kurikulum Tangkas, Graduan Masa Hadapan: Memperkukuh Kebolehpasaran Melalui Kolaborasi Akademia–Industri" Panel: YBrs. Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid YBhg. Dato' Prof. Dr. Muhammad Shatar Sabran
1:00 tengah hari	:	Rehat dan Makan Tengah Hari
2:30 petang	:	Slot 3: Wacana Kebolehpasaran Graduan Tajuk: "Memacu Ekosistem Bakat Masa Hadapan: Pendidikan Berteraskan Keperluan Industri"
3:15 petang	:	Minum Petang
3:45 petang	:	Slot 4: Pentas Idea Tajuk: "Bersedia Atau Tersisih? Menavigasi Pasaran Kerja Masa Hadapan" Panel: Encik Muhammad Noor (mdno) Content Creator/ Founder & Director MN Amplified Marketing
5:00 petang	:	Bersurai